

Jilid 1/2016, Isu 1

30 September 2016

Visi

Memulihkan hutan semula jadi dan menguruskannya secara mampan

Matlamat Dasar

Membekal sumber kayu kayan yang konsisten, menepati jangkaan dan mampan dari hutan NFM dan ITP (BASIL)

Nilai-Nilai Dasar

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajadi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan, pembelajaran dan pelaksanaan
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugas biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan.

Pesanan Daripada MDO

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Buletin kerana berjaya menerbitkan buletin Sapulut yang pertama.

Sejak kebelakangan ini, MDO sering memperkatakan mengenai batu asas untuk membina sebuah syarikat yang berkekalan, dengan memperjelaskan Visi, Matlamat Dasar dan Nilai-Nilai Dasar. Tiga perkara inilah yang menentukan budaya Syarikat.

Kami juga melabur dalam latihan, menetapkan standard prestasi dan mengurangkan tahap dari pekerja bawahan ke tahap MDO kepada hanya 4 peringkat. Kami mahu MDO dan semua orang dalam satu pasukan bersama-sama sebagai "satu keluarga besar".

Di samping mengekalkan budaya, standard prestasi dan komitmen semua pihak dalam pasukan, MDO membimbing Syarikat ke arah inovasi dan keupayaan menyesuaikan diri. Jika Sapulut adalah untuk menjadi kuasa yang berkaitan dalam industri perhutanan, ia telah menjadi lebih daripada sekadar menanam pokok dan "memulihkan hutan semulajadi dan menguruskannya secara mampan". Biar saya jelaskan.

Pada tahun yang lalu, banyak syarikat-syarikat pemrosesan kayu telah ditutup. Syarikat-syarikat ini merupakan bakal pelanggan kita dan jika mereka tidak begitu berjaya, tidak lama lagi kita tidak akan dapat menjual kayu balak kita kepada sesiapa. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah-langkah untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam persekitaran pembaikan kita.

Pelaburan kita dalam menggunakan *yarder* merupakan satu langkah dalam proses mengurangkan kos, dan pada masa yang sama mengurangkan gangguan dan kepadatan tanah dalam penuaian BASIL. Saya berterima kasih kepada **Sylvester Emis dan pasukan** kerana telah menyahut cabaran ini. Melalui tindakan beginilah kita belajar dan memperbaiki diri kita sendiri. Dan MDO sentiasa bersedia untuk membimbing dan membantu.

Kekal sebagai syarikat yang berjaya, Sapulut perlu membuat pembaharuan dan menyesuaikan diri. Dengan kerja berpasukan yang hebat dan penglibatan penuh daripada semua, saya tahu kita akan berjaya.

Terima kasih untuk semua bantuan dan sokongan anda. Saya bangga kerana dapat bekerjasama dengan setiap orang daripada anda.

Yang benar,
Norman Wong
Pegawai Urusan
25 September 2016

Sapulut: Mencapai Pensijilan Hutan Melalui Pengalaman Yang Lain

Apabila memperkatakan tentang Pensijilan Hutan di Sabah, fokus utama diberikan kepada:-

- ⇒ Deramakot Forest Reserve (DFR) - diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Sabah
- ⇒ KTS Plantation - FMU diuruskan oleh sebuah syarikat swasta

Berikut merupakan perkongsian daripada Pembantu FMUEM, Teddy:-

Apabila saya diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan pensijilan Sapulut, saya tertanya-tanya mengapa Sapulut tidak boleh menjadi salah satu daripada FMU di Sabah yang mendapat perhatian kerana kejayaannya di dalam pensijilan hutan.

Semasa saya di dalam proses untuk memastikan segalanya di dalam keadaan yang teratur untuk memastikan Sapulut disijilkan, saya tidak sengaja mendapat kertas tentang pengalaman DFR dalam pencapaian selepas disijilkan.

8 pengalaman DFR dalam pencapaian:-

A) FMP dan Pelan Kerja Tahunan (AWP)

⇒ DFR dapat menempa kejayaan kerana perancangan yang betul, pembangunan konsep dan pelaksanaan FMP.

B) Pembalakan

⇒ Pemetongan tahunan yang dibenarkan adalah 20k m3 berdasarkan kepada model simulasi pertumbuhan pokok individu

C) Perbelanjaan dan Pendapatan

⇒ DFR menunjukkan pendapatan yang positif hanya selepas pelaksanaan pensijilan.

D) Pengeluaran oleh Kaedah Pembalakan—traktor, skyline dan sistem kombinasi

E) Silviculture**F) Pemulihan Penanaman dan Pencapaian**

⇒ 2001, SFD (DFR) menghentikan pemulihan penanaman dan member tumpuan kepada mengekalkan penanaman benih berdasarkan:

- Peningkatan kos diluar kemampuan kewangan
- Kawasan yang dianggap 'degraded' sebenarnya mempunyai pokok induk dan pertumbuhan semula yang mencukupi
- Penanaman yang tidak betul pada mulanya dengan *blanket concept*
- Lebih kos efektif untuk melakukan rawatan silviculture.

G) Perlindungan—penandaan sempadan yang betul akan memudahkan kerja-kerja penguatkuasaan.

H) Pengawasan SGS—pengekstrakan kayu balak memberikan cabaran yang besar

Artikel penuh boleh dimuat turun di:
<http://www.deramakot.sabah.gov.my/PDF/drkt5.pdf>

Dengan mengambil controh pencapaian DFR, ini adalah bagaimana anda boleh membantu Sapulut untuk pensijilan hutan:-

- Sekiranya Sapulut mendapat pensijilan, ianya adalah kerana sokongan dan pemahaman. Kita akan berjaya bersama-sama!

- Kaitkan kerja anda dengan matlamat dan tujuan pensijilan. Secara tidak langsung ini akan meliputi keperluan untuk pensijilan dan membantu kami untuk mengekalkannya.

- Bagi diri saya, seringkali saya berasa iri hati apabila mengetahui atau mendengar FMU yang lain telah berjaya mendapat pensijilan hutan. Ini adalah bagaimana saya memotivasikan diri untuk memastikan Sapulut juga berjaya mendapat pensijilan. Ingin tahu kenapa? **Datanglah berjumpa dengan saya!**

- Berfikir bahawa pensijilan hanyalah bahagian pertama dalam usaha kita ini, dan bukannya pengakhiran. Sekiranya kita mampu untuk terus mengekalkan standard pensijilan, maka itu adalah satu pencapaian yang HEBAT!

- Memberikan komitmen dalam apa jua yang kita buat dan dengan sokongan daripada MDO— kita boleh mencapainya!



GET INVOLVED: If you like to contribute articles, feel free to submit to newsletter@sapulut.com or contact any of the team members:-

KK Office: Deckna Mosinoh & Theresia Richard

Base Camp: Teddy Sius (FMUEM Office), Lowilyn Bazar, Johnson Joseph, Joying Julian & Eve Asjera Janim.

We welcome any feedback or comments to improve the contents of our newsletter.

GENERASI SAPULUT: MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK

Syarikat ini komited dalam menyediakan dan mendedahkan pekerja dengan lebih latihan, seminar, ceramah, untuk memperbaiki dan membangunkan individu-individu ini. Contohnya, Syarikat telah menghantar pekerja untuk mengikuti latihan setahun di Institusi Perhutanan Sabah untuk Kursus Renjer Hutan, Kursus ArcGIS, ceramah dan lain-lain.



Wildlife Honorary Warden Training
(26-28 July 2016)



Forest Fire Training
(1—3 August 2016)



ArcGIS Training
(07—09 September 2016)

Tahniah kepada semua peserta dalam **Tree Identification Course (19—22 May 2016)!**

Name	Marks (out of 100)	Name	Marks (out of 100)
Richie Christopher	76.4	Yohanes Nambalek	72.8
Regina Bail	73.5	Wayang Mansibu	70.0
Angeline Loh	73.5	Hearrey Lonlee	70.0

ANDA MEMPUNYAI PERKONGSIAN ATAU PENDAPAT?

Pernahkan anda mengikuti mana-mana latihan? Apa yang anda perolehi? Kongsi pengalaman anda dan apa yang anda peroleh dalam latihan. Perkongsian yang dipilih akan dipaparkan dalam bulletin akan datang.



◆ Roney Anthony Pidur (Mei 28, 2016)—membatalkan cutinya untuk melaksanakan tugas penting yang diperlukan

◆ Norman Bandara dan Plorrah Paulinus—mempamerkan kerja berpasukan dan mengambil inisiatif untuk mengurangkan gangguan dalam kerja pengukuran



◆ Renny Jinoleh dan Yambranny Akoi (Januari 27, 2016) - menyampaikan pembentangan yang hebat semasa lawatan Hasil Bumi

◆ Joulin Taurin, Erik Michael dan Yohanes Nambalek—pencapaian di dalam latihan IPS untuk sesi 2015

We Care and We Share

Mei 2016—Kerja amal oleh Unit Perhutanan Komuniti (Jabatan Perlindungan Hutan) dengan kerjasama Gereja Katolik St Simon Catholic, Likas kepada para penduduk di Kg Tonomon, Kg Liningkar, Kg Bukokoh dan Kg Kankamon.

Marilah kita menyokong dan menghulurkan bantuan. Sila hubungi jabatan untuk maklumat lanjut.

"It's not how much we give but how much love we put into giving." ~ Mother Theresa ~



Ketua Jabatan Perlindungan Hutan, Renny Jinoleh mengagihkan sumbangan kepada salah seorang wakil kampung.



TAHUKAH ANDA APA ITU HUTAN HUJAN?

Fakta #1: Hutan hujan hanya meliputi 2% daripada jumlah keseluruhan permukaan bumi, 50% daripada tumbuhan dan haiwan yang terdapat di permukaan bumi terdapat di hutan hujan.

Fakta #2: Terdapat dua jenis Hutan Hujan – Hutan Hujan Iklim Sederhana dan Hutan Hujan Tropika. Hutan Hujan Tropika biasanya ditemui di serata dunia.

Fakta #3: Hutan Hujan membantu untuk mengekalkan sumber air bersih. Oleh itu, kelestarian ataupun keselamatan hutan hujan adalah pada tahap yang kritikal.

Fakta #4: Purata suhu hutan hujan tropika adalah diantara 70° - 85°F.

Fakta #5: 70 % daripada keseluruhan spesies tumbuhan yang dianggap berguna untuk merawat kanser hanya ditemui di hutan hujan.

Rujukan:
(1) <http://all-that-is-interesting.com/rainforests-facts>
(2) <http://www.conserve-energy-future.com/various-tropical-rainforest-facts.php>


Jadilah Sebahagian Daripada Sapulut

Kemajuan Sapulut telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mata pencarian bagi penduduk tempatan dari kampung berdekatan dalam FMU 14. Pekerja terdiri dari pelbagai kaum seperti Murut, Dusun, Kadazan, dan lain-lain.

Kami yakin dalam membangunkan individu yang bertanggungjawab, semangat berpasukan, berdisiplin yang mana ciri-ciri ini adalah penting untuk menjadi cemerlang. Paling penting kita mahu menjadi sebahagian daripada komuniti yang menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik dan lebih hijau untuk sekarang dan pada masa hadapan.



Sertailah kami dan jadilah sebahagian daripada Sapulut!



JAWATAN KOSONG

- Pengawal Keselamatan
- Renjer Hutan

SILA HANTAR RESUME ANDA ATAU HUBUNGI:

hr-recruit@sapulut.com
 088-858 826 (Camp)